



KENYATAAN AKHBAR

30 November 2018

ASN B ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 4.75 SEN SEUNIT UNTUK ASN IMBANG 1

- PNB pada hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan ASN Imbang 1 bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2018.
- Lebih 46,000 pemegang unit akan menerima 4.75 sen seunit, dengan jumlah bayaran pengagihan pendapatan lebih dari RM61.8 juta. Ini diterjemahkan kepada hasil dividen tahun kewangan setakat ini sebanyak 5.01%.
- Semua urusan niaga untuk ASN Imbang 1 telah ditangguhkan mulai 30 November 2018 hingga 1 Disember 2018 untuk pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal ASN B myasnb.com.my atau di mana-mana cawangan atau ejen ASN B di seluruh negara mulai 2 Disember 2018.

Kuala Lumpur, 30 November 2018: Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan tabung unit amanah Amanah Saham Nasional Berhad (ASN B) bagi ASN Imbang (*Mixed Asset Balance*) 1 (ASN Imbang 1, yang sebelum ini dikenali sebagai Amanah Saham Nasional 3 Imbang), bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2018.

Pengagihan pendapatan bagi pemegang unit ASN Imbang 1 adalah 4.75 sen seunit, iaitu jumlah pengagihan sebanyak RM61.8 juta, yang akan memberi manfaat kepada lebih 46,000 pemegang unit yang memegang 1.30 bilion unit. Ini juga merupakan hasil dividen tahun kewangan setakat ini sebanyak 5.01%. Setakat 31 Oktober 2018, ASN Imbang 1 mencatatkan pendapatan bersih ternyata sebanyak RM62.70 juta untuk 11 bulan pertama tahun kewangannya.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, "Walaupun pasaran terus berada dalam keadaan yang mencabar, PNB berjaya menjana pulangan dividen yang kompetitif kepada pemegang unit ASN Imbang 1. Kami komited untuk

melaksanakan strategi yang diperlukan untuk meningkatkan prestasi dan menjana pulangan yang mampan dalam usaha kami memenuhi mandat untuk menjana kekayaan pemegang unit kami.”

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASN Imbang 1 adalah berdasarkan unit yang dipegang dan Nilai Aset Bersihnya setakat 30 November 2018. Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Disember 2018.

Semua urusan niaga untuk ASN Imbang 1 telah ditangguhkan mulai 30 November 2018 hingga 1 Disember 2018 untuk pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal ASNB myasnb.com.my atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara mulai 2 Disember 2018.

-Tamat-

Mengenai PNB

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini lebih RM290 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Mengenai ASNB

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). Setakat 30 September 2018, ASNB mempunyai sejumlah 14 Dana dengan Unit dalam Edaran berjumlah 233.4 bilion unit serta 13.6 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari www.asnb.com.my

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad